

30 OCT 2003

Mahathir-Manusia

SUMBER MANUSIA KUNCI MASA DEPAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mewujudkan tenaga kerja kompetitif secara global menjadi asas kepada daya saing dan tarikan pelaburan baru memandangkan sumber modal manusia adalah kunci masa depan negara.

"Untuk tujuan ini, pembangunan sumber manusia akan menumpukan kepada tiga dimensi iaitu pembangunan pengetahuan, pencapaian kemahiran dan penanaman nilai positif," kata Perdana Menteri semasa membentangkan laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata membangunkan pekerja yang berpendidikan tinggi dan mempunyai kemahiran yang pelbagai, tidak semestinya menjamin produktiviti yang tinggi kerana adalah juga penting bagi pekerja berkenaan mempunyai etika kerja yang baik di semua peringkat.

Dr Mahathir berkata kejayaan atau kegagalan sesuatu bangsa mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya iaitu jumlah nilai yang dipegang dan diamal oleh bangsa itu.

"Oleh itu, kerajaan akan berusaha untuk membentuk budaya bangsa Malaysia yang bersikap positif terhadap kerja, berdisiplin, rajin dan bertanggungjawab. Jika budaya itu diserapkan, semua rakyat Malaysia sama ada di desa atau di bandar, daripada apa jua kumpulan etnik, akan menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera," katanya.

Dr Mahathir berkata matlamat negara ialah untuk terus meningkatkan kualiti tenaga kerja.

Pada 2010, sejumlah 35 peratus tenaga buruh akan memiliki kelayakan di tahap kolej atau universiti, iaitu dua kali lebih tinggi berbanding dengan 17.1 peratus kini.

Katanya memandangkan kapasiti sektor awam yang terhad, sektor swasta perlu terus meluaskan pembabitan mereka dalam pendidikan dan latihan pekerja.

Mengenai pentingnya Bahasa Inggeris, Dr Mahathir yang akan bersara esok selepas menerajui kerajaan selama 22 tahun, berkata jika pekerja Malaysia ingin bersaing di arena global, penekanan harus diberi kepada bahasa itu manakala penguasaan bahasa-bahasa lain juga digalakkan.

"Dalam zaman ini tiap seorang yang ingin kejayaan perlu menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa," katanya.

Beliau berkata walaupun Malaysia telah bersiap sedia untuk menerima ekonomi berasas pengetahuan, aktiviti daya cipta tempatan masih lagi ketinggalan memandangkan keupayaan inovasi dan teknologi di kalangan industri tempatan pada amnya masih rendah.

Katanya, kerajaan beriltizam untuk memperkenalkan insentif yang bersesuaian untuk menggalakkan dan memperbaiki sains dan teknologi serta keupayaan inovasi agar lebih banyak firma Malaysia berupaya membuat peralihan teknologi untuk menjadi pereka cipta.

Untuk memastikan penawaran sumber tenaga sains dan teknologi berkualiti yang mencukupi, pelajar terbaik akan digalakkan untuk mengikuti program dalam sains tulen, termasuk di peringkat selepas ijazah dan selepas doktor falsafah.

"Basiswa tambahan dan bentuk bantuan kewangan yang lain akan disediakan untuk tujuan ini. Kita juga akan melonggarkan prosedur untuk mengambil pekerja asing berkemahiran tinggi dalam sektor berintensifkan teknologi," kata Perdana Menteri.

Mengenai tahap kemiskinan, beliau berkata ianya telah berkurangan

kepada 5.1 peratus pada tahun lepas dan kerajaan menjangkakan kemiskinan mutlak dapat dibasmi sepenuhnya pada 2005.

Daripada segi pendapatan isi rumah, purata di Malaysia telah meningkat sebanyak tiga kali ganda daripada RM1,098 sebulan pada 1983 kepada RM3,011 sebulan pada 2002.

"Kenaikan mendadak ini tidak terlihat di mana-mana negara lain," katanya.

Dr Mahathir berkata daripada angka-angka ini, adalah jelas program pembangunan dan pengurangan kemiskinan oleh kerajaan berjaya mencapai matlamatnya.

Beliau juga berkata kerajaan sedang merumuskan program yang lebih tertumpu kepada menaikkan taraf hidup masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman dan terpencil di Sabah dan Sarawak dan Orang Asli di Semenanjung.

Selain daripada program kerajaan untuk membasmi kemiskinan, badan bukan kerajaan dan sektor swasta juga perlu memperluaskan aktiviti dan liputan program mereka untuk membantu golongan miskin, kata Perdana Menteri.

Yang penting dalam usaha ini, katanya, ialah mewujudkan peluang pekerjaan serta memberi pendidikan dan latihan.

"Bantuan subsidi adalah pendekatan yang menghakis jati diri dan kejayaan usaha untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang berdaya tahan. Kerajaan akan mengurangkan subsidi secara beransur-ansur," katanya.

-- BERNAMA
SR MFJ MAI